

14 SEP 2002
Sukma-Penutup
SUKMA KESEMBILAN DITUTUP PENUH MERIAH

KOTA KINABALU, 14 Sept (Bernama) -- Sukan Malaysia (Sukma) Kesembilan, yang berlangsung sejak 13 hari lepas di sini, ditutup dengan rasminya dengan sambutan penuh gemilang dan meriah di Stadium Likas, di sini malam ini.

Rakyat Sabah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan Sukma, temasya sukan terbesar pernah dianjurkan di Negeri Di Bawah Bayu itu, dengan berpusu-pusu ke stadium untuk menyaksikan upacara penutup temasya.

Sebagaimana pada upacara pembukaan Sabtu lepas, mereka mula membanjiri stadium sejak awal petang lagi untuk memastikan tidak terlepas daripada menyaksikan detik-detik bersejarah buat negeri itu, yang membuktikan mereka turut mampu menganjurkan temasya sukan seperti Sukma.

Pengaruh kuat penyanyi terkemuka negara Siti Nurhaliza Taruddin yang membuat persembahan turut menyebabkan bandaraya ini dibanjiri dengan peminat-peminatnya dari seluruh pelusuk negeri termasuk Tawau, Sandakan dan Semporna.

Persembahan kebudayaan tradisi berkonsepkan "Sabah Truly Malaysia" yang memakan masa 15 minit memulakan upacara pembukaan setelah ketibaan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagu dan muzik dari pelbagai etnik termasuk Kadazan, Dusun, Murut, Bumiputera Islam (Melayu) dan masyarakat Cina dipertontonkan sekali gus menghiburkan penonton termasuk atlet yang bertanding, pegawai pasukan, sukarelawan dan sekalian yang hadir.

Perbarisan lintas hormat kesemua 20 kontinjen yang bertanding dengan lebih 5,000 atlet diikuti penyampaian hadiah kepada Atlet Lelaki dan Wanita Terbaik, Atlet Harapan dan Juara Keseluruhan.

Selepas Hishammuddin membacakan teks ucapan Perdana Menteri serta mengisytiharkan Sukma 2002 ditutup dengan rasminya, bendera temasya diturunkan dan obor dipadamkan tepat jam 10.03 malam.

Suasana diceriakan lagi dengan pertunjukan bunga api yang menyinari langit Stadium Likas.

Hishammuddin kemudiannya menyerahkan bendera kejohanan kepada penganjur Sukma Ke-10 Negeri Sembilan yang diwakili Menteri Besarnya Tan Sri Isa Samad.

Negeri Sembilan, yang bakal menyambut kedatangan atlet Sukma ke negeri itu dua tahun lagi, diberi peluang mempersembahkan tarian kebudayaannya selama lebih 20 minit.

Pertunjukan para glider bermotor serta pelepasan belon-belon dan bunga api terus mencerikan suasana yang mendapat tepukan gemuruh daripada penonton yang membawa sanak-saudara serta anak-isteri menyaksikan upacara bersejarah itu.

Penonton masih tidak berganjak daripada tempat duduk masing-masing sekalipun Hishammuddin dan tetamu kenamaan yang lain sudah meninggalkan majlis.

Masing-masing mahu menyaksikan persembahan artis kesayangan mereka Siti Nurhaliza selama sejam dan ada yang masih keberatan meninggalkan stadium kerana tanpa disedari mereka, temasya yang berjaya dan menaikkan nama Sabah itu, sudah pun berakhir.

Syabas Sabah kerana temasya Sukma kali ini yang bertemakan "Gemilang Di Alaf Baru" berjalan lancar sekalipun dicemari beberapa insiden kecil yang tidak sepatutnya berlaku.

Pastinya tugas sukar buat Negeri Sembilan yang perlu sekurang-kurangnya menyamai keupayaan dan kejayaan Sabah menganjurkan temasya itu.

-- BERNAMA

HRS MK ZB